

# **PEMBENTUKAN GENERASI BARU MENERUSI PROGRAM LATIHAN KHIDMAT NEGARA**

KETUA PENGARAH  
JABATAN LATIHAN KHIDMAT NEGARA

## **1. PENDAHULUAN**

1.1 Malaysia mempunyai wawasan untuk menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020. Ke arah mencapai hasrat Wawasan 2020, Malaysia perlu membangunkan bukan sahaja prasarana tetapi juga pembangunan modal insan. Ini bermakna secanggih mana infrastruktur dibangunkan tetapi jika sekira rakyatnya tidak dapat menggunakannya, maka pembangunan dalam erti kata sebenarnya tidak akan dapat dicapai apatah lagi untuk menjadi sebuah negara maju.

1.2 Dalam konteks inilah pembangunan modal insan telah diberikan penekanan dalam rancangan-rancangan jangka panjang Malaysia. Pembangunan tenaga manusia telah terbukti dapat memberikan sumbangan bermakna ke arah menjadi sebuah negara yang maju. Negara-negara seperti Singapura, Jepun dan Korea Selatan umpamanya yang tidak mempunyai sumber semulajadi telah membuktikan bahawa sumber manusia merupakan elemen utama untuk menjadikan negara berkenaan sebuah negara yang maju setanding dengan negara-negara maju yang lain seperti Amerika Syarikat.

1.3 Malaysia merancang pembentukan generasi baru, generasi wawasan yang maju secara total menjelang tahun 2020. Generasi baru Malaysia bercirikan Bangsa Malaysia yang bersatu-padu, maju dari segi kerohanian, mental, emosi, sosial, ekonomi, politik, kebudayaan dan lain-lain.

1.4 Program Khidmat Negara (National Service) diwujudkan adalah sebagai salah satu program yang penting di dalam usaha Kerajaan untuk membentuk generasi baru, generasi Wawasan 2020. Pelaksanaan program ini berasaskan konsep dan falsafah yang diolah sebegitu rupa mengikut keperluan negara yang unik dan berbilang keturunan, bangsa dan ugama. Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) sebagai usaha bagi membantu mempercepatkan proses pembentukan generasi baru Malaysia.

## **2. PEMBENTUKAN GENERASI WAWASAN 2020**

2.1 Generasi baru Malaysia adalah generasi negara maju, yang maju dalam pelbagai aspek, kerohanian dan nilai sosial; mengamalkan keadilan sosial; mempunyai perpaduan nasional dan sosial; menjadi bangsa bermaruah dan penuh keyakinan; mempunyai hidup yang bermutu; mempunyai sistem Kerajaan yang mantap; dan mewujudkan kestabilan ekonomi serta politik.

2.2 Inilah matlamat Wawasan 2020, wawasan tentang generasi Malaysia akan datang yang dikemukakan oleh bekas Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir Mohamad pada 28 Februari 1991 dalam ucapan beliau '**Malaysia: The Way Forward**' sempena persidangan pertama Majlis Perdagangan Malaysia di Kuala Lumpur. Di antara perkara penting yang diutarakan ialah untuk menentukan halatuju Malaysia iaitu untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju sepenuhnya di dalam pelbagai bidang termasuklah kerohanian, psikologi, kebudayaan, sosial, politik dan juga ekonomi menjelang tahun 2020 mengikut acuan sendiri.

2.3 Sebanyak sembilan (9) cabaran telah dikenalpasti untuk mencapai Wawasan 2020 yang memerlukan komitmen seluruh rakyat Malaysia dari pelbagai lapisan masyarakat, bangsa dan ugama. Antara cabaran-cabaran yang dimaksudkan ialah mewujudkan bangsa Malaysia yang bersatu padu; mewujudkan masyarakat yang berjiwa bebas, mempunyai keyakinan terhadap diri sendiri, kekuatan menghadapi pelbagai masaalah serta bermoral dan beretika; mewujudkan masyarakat yang liberal dan bertolak ansur, rakyat

pelbagai kaum bebas mengamalkan adat, kebudayaan dan agama masing-masing dan pada masa yang sama meletakkan kesetiaan pada satu negara; mewujudkan masyarakat yang saintifik dan progresif; mewujudkan masyarakat penyayang; dan memastikan masyarakat yang adil dalam bidang ekonomi dan mewujudkan masyarakat makmur yang mempunyai ekonomi bersaing, dinamik dan kental.

2.4 Di dalam menghadapi cabaran-cabaran yang dinyatakan di atas, Kerajaan telah mengatur langkah dan strategi untuk memastikan Wawasan Negara dapat dicapai. Ini dapat dilihat melalui dasar-dasar yang diperkenalkan seperti Dasar Pembangunan Nasional, Dasar Wawasan Negara dan sebagainya.

### **3. CABARAN LUAR DAN DALAM NEGARA**

3.1 Di dalam merealisasikan Wawasan 2020, Malaysia juga berdepan dengan pelbagai cabaran samada di dalam negara mahu pun di luar negara. Terlalu banyak perubahan yang berlaku baik yang berlaku di dalam negara mahu pun di luar negara yang menyulitkan usaha untuk mencapai sasaran yang ditetapkan.

#### **Cabaran Luar Negara**

3.2 Dalam era abad ke 21, banyak perubahan-perubahan yang berlaku di dunia telah memberi kesan secara langsung kepada negara sedang membangun termasuk Malaysia berbanding dengan suasana di abad-abad yang lalu di mana jarang sekali perubahan yang berlaku memberi kesan langsung kepada negara sedang membangun.

3.3 Globalisasi merupakan satu fenomena baru yang dikaitkan dengan liberalisasi perdagangan dan integrasi ekonomi dunia, pengaliran maklumat, perubahan teknologi, transformasi dalam kebudayaan, mobilisasi tenaga kerja, pergerakan modal dan pelaburan telah memberi kesan positif dan negatif kepada

Malaysia dan negara-negara lain. Globalisasi memberi kesan kepada kedaulatan negara, ekonomi negara, peranan ICT negara, perdagangan antarabangsa dan kewangan, peranan rakyat dan kerajaan, keselamatan negara, sosio-budaya dan lain-lain.

3.4 Globalisasi sebenarnya '*tidak mesra*' kepada sesebuah negara. Pertama, penganjur globalisasi menghalang mana-mana kerajaan mencampuri urusan pasaran bebas, kerana kononnya pasaran bebas yang sepatutnya menentukan segala-galanya dan bukan kerajaan. Kedua, gobalisasi tidak mengambil kira sama ada sesebuah negara itu kaya ataupun miskin, maka negara-negara yang membangun dan miskin yang tidak dibenarkan mendapat bantuan kerajaan akan merana.

3.5 Globalisasi adalah satu realiti, yang memerlukan pemahaman akan kesan dan akibatnya. Penguasaan ilmu dan kemahiran yang tinggi termasuk 'soft skills', 'competitive skills' dan 'hard skills', menguasai teknologi baru, memperluaskan bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D), pengkhususan (*specialization*) supaya ada *niche*, mempertingkatkan kualiti dan inovasi merupakan elemen penting yang perlu dimiliki dan dikuasai oleh rakyat sesebuah negara dalam menghadapi gelombang globalisasi.

### **Cabaran Dalam Negara**

3.6 Walaupun setelah 49 tahun Malaysia mencapai kemerdekaan, namun masih terdapat banyak isu dan masalah yang perlu dihadapi. Isu perpaduan kaum dan integrasi nasional masih belum selesai, jatidiri sebagai bangsa Malaysia, semangat patriotisme juga masih dipersoalkan, semangat kesukarelaan yang rendah lebih-lebih lagi di kalangan golongan muda untuk menabur bakti kepada masyarakat, masalah kemiskinan dan jurang ekonomi antara kaum Bumiputera dan bukan Bumiputera, tahap pencapaian akademik yang rendah lebih-lebih lagi di dalam bidang sains, teknologi dan kejuruteraan,

pengangguran di kalangan graduan, graduan yang tidak 'marketable', graduan yang tidak mempunyai 'soft skills', 'competitive skills' dan juga 'hard skills', masalah sosial termasuklah tingkahlaku, anti-sosial, gejala penyalahgunaan dadah, pelanggaran undang-undang, aktiviti militan dan sebagainya. Hampir kesemua isu dan permasalahan yang dihadapi ini merupakan 'ramuan' penting sebagai 'senjata' bagi menghadapi cabaran globalisasi.

#### **4. KHIDMAT NEGARA PEMANGKIN PROSES PEMBENTUKAN GENERASI MAJU**

4.1 Akibat daripada halangan dan cabaran-cabaran dalam dan luar negara ini, terdapat perdebatan yang hangat, sama ada secara formal dan tidak formal di peringkat antarabangsa mahupun di peringkat negara. Salah satu peristiwa bersejarah yang berkaitan dengan *National Service* ialah Kongres Patriotisme Negara anjuran bersama Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Biro Tatanegara (BTN), Jabatan Perdana Menteri yang diadakan pada 26 Oktober 2002 di Esset, Bangi, Selangor. Kongres ini dihadiri lebih daripada 600 orang peserta yang terdiri dari pelbagai golongan masyarakat, termasuklah ahli-ahli politik Kerajaan dan Pembangkang, orang awam, badan-badan bukan kerajaan (NGO), pegawai kanan Kerajaan, tokoh-tokoh korporat, penggubal-penggubal dasar, ahli akademik, mahasiswa dan pelajar-pelajar sekolah.

4.2 Rata-rata peserta Kongres melahirkan perasaan bimbang mereka tentang sikap dan tingkahlaku sebilangan anak muda yang kurang semangat cintakan negara dan patriotisme; kurang erat dari segi perpaduan dan integrasi kaum; dan kurang berminat memberi sumbangan secara sukarela di dalam pertubuhan yang menjurus kepada semangat patriotik seperti Jabatan Pertahanan Awam, RELA, Rakan Muda, Wataniah, Persatuan Badan Beruniform, Rukun Tetangga dan lain-lain.

4.3 Kongres berkenaan juga bersetuju supaya satu program Khidmat Negara dilaksanakan kepada golongan remaja. Susulan dari pada itu, sebuah

Jawatankuasa Kabinet Mengenai Khidmat Negara telah dibentuk dengan dipengerusikan oleh YAB Menteri Pertahanan Malaysia untuk mengkaji cadangan Kongres. Selain daripada meneliti isu, masalah dan cadangan Kongres tersebut, Jawatankuasa ini juga telah mendapat maklumbalas daripada pelbagai pihak seperti pelajar, ibu bapa, badan-badan bukan kerajaan (NGO), persatuan, pertubuhan, parti-parti politik dan lain-lain. Di samping itu, kajian tinjauan dan analisis model-model Kerahan Tenaga dari negara-negara lain juga diteliti dan dinilai seperti di Singapura, Korea Selatan, Thailand, Portugal, Israel, Great Britain dan France.

### **Maklumbalas Ibu Bapa**

4.4 Satu kajian ke atas 450 orang para ibu bapa telah diadakan semasa Ekspo Kerjaya ATM di Johor Baru dari 24 hingga 26 Januari 2003. Sebanyak 98.4 peratus ibu bapa bersetuju dengan cadangan pelaksanaan Program Khidmat Negara dengan objektif utamanya ialah memupuk semangat patriotisme, disiplin dan perpaduan kaum. Aktiviti yang dicadangkan termasuklah latihan ketenteraan, latihan kemahiran, latihan fizikal bercorak ketenteraan, khidmat sosial, kenegaraan, bimbingan agama dan lain-lain. Majoriti (80.4%) mencadangkan supaya program ini melibatkan belia lelaki dan perempuan, dijalankan secara berasrama (93%) dan mahukan anak mereka terus mengikuti program ini selepas Sijil Pelajaran Malaysia (79.3%).

### **Maklumbalas Pelajar Sekolah**

4.5 Hasil kajian oleh Kementerian Pertahanan dan Kementerian Pendidikan dengan kerjasama sebuah syarikat swasta ke atas 6,000 orang pelajar lelaki dan perempuan mendapati lebih daripada 80 peratus daripada mereka menyokong pelaksanaan program ini. Sampel kajian terdiri daripada pelajar sekolah yang berumur di antara 15 dan 16 tahun dari 350 buah sekolah di seluruh negara.

## **Maklumbalas Persatuan, Pertubuhan, Parti Politik dan lain-lain**

4.6 Hasi perbincangan dengan wakil-wakil Majlis Belia Malaysia, Ketua-ketua Pengarah Media, Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia, MCA dan Persatuan Belia Cina, Pemuda Parti Gerakan Rakyat Malaysia, Pemuda dan Putri MIC Kebangsaan dan Pertubuhan Belia-belia India dan Naib-naib Canselor Institusi Pengajian Tinggi Awam secara umumnya bersetuju dengan pelaksanaan program Khidmat Negara bagi golongan muda untuk mengatasi masalah perpaduan kaum, tahap semangat patriotisme yang rendah dan juga masalah keperibadian murni. Tiga komponen asas yang dicadangkan di dalam program termasuklah latihan ketenteraan, latihan kenegaraan dan pembentukan watak serta khidmat masyarakat.

## **5. KONSEP DAN OBJEKTIF PROGRAM LATIHAN KHIDMAT NEGARA**

5.1 Teras Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) adalah untuk membentuk sebuah masyarakat yang berdisiplin, bersemangat waja, berkeyakinan diri, setia kepada negara, sentiasa bersedia menghadapi sebarang cabaran dan dugaan serta untuk memupuk kerjasama dan perpaduan di kalangan pelbagai kaum. Keunikan pelaksanaan program ini ialah PLKN membabitkan semua kaum dan jantina. Ia dilaksanakan berteraskan Rukun Negara dan mempunyai kurikulum multi-disiplin. Ianya juga tidak bersifat kerahan tenaga (military conscripts) atau mengikut trend yang diamalkan negara lain. PLKN juga mempunyai imej tersendiri dari segi pakaian seragam, logo dan lagu.

5.2 Selaras dengan konsep PLKN, PLKN telah disusun sebegitu rupa untuk mencapai objektif berikut:

- i. Meningkatkan semangat patriotisme di kalangan pelatih;
- ii. Meningkatkan semangat kesukarelaan;

- iii. Memupuk perpaduan kaum serta integrasi nasional di kalangan pelatih; dan
- iv. Membentuk perwatakan positif menerusi nilai-nilai murni di kalangan pelatih.

## **6. MEKANISME PELAKSANAAN PLKN**

6.1 Bagi mencapai objektif-objektif PLKN selaras dengan konsep dan falsafah PLKN, Akta Latihan Khidmat Negara telah digubal, Majlis Latihan Khidmat Negara dan Jabatan Latihan Khidmat Negara ditubuhkan.

### **Akta Latihan Khidmat Negara 2003 (Akta 628)**

6.2 Akta Latihan Khidmat Negara (ALKN) 2003 di luluskan oleh Parlimen dan diperkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di Pertuan Agong pada 29 Julai 2003. Pada 7 Ogos 2003 Akta Latihan Khidmat Negara 2003 (Akta 628) diwartakan. Akta ini adalah bertujuan untuk melicinkan lagi pelaksanaan PLKN di mana ianya merangkumi proklamasi pemilihan pelatih, pengecualian dan penangguhan, penubuhan Majlis Latihan Khidmat Negara dan Jabatan Latihan Khidmat Negara, cuti, perlantikan jurulatih dan hukuman / penalti.

### **Majlis Latihan Khidmat Negara (MLKN)**

6.3 MLKN yang ditubuhkan di bawah Seksyen 5 Akta Latihan Khidmat Negara adalah berfungsi untuk:

- (i) Melaksanakan fungsi yang diberikan oleh atau di bawah Akta dan sebagai penasihat kepada Menteri mengenai perkara yang berkaitan dengan latihan khidmat negara; dan

- (ii) Melaksanakan dan menguatkuasakan arahan Menteri selaras dengan Akta Latihan Khidmat Negara.

### **Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN)**

6.4 JLKN diletakkan di bawah Kementerian Pertahanan adalah sebagai agensi pelaksana dan mempunyai pelbagai fungsi seperti berikut:

- (i) Menggubal dasar dan peraturan mengenai pelaksanaan; Merancang, menyelaras dan memantau pelaksanaan;
- (ii) Merancang dan menyelaras keperluan guna tenaga kerja, infrastruktur, kemudahan, peralatan dan kelengkapan latihan;
- (iii) Membangunkan dan menyelenggara sistem maklumat serta menyimpan rekod-rekod mengenai peserta, jurulatih, staf pengurusan dan sokongan;
- (iv) Merancang, menyelaras dan melaksanakan program latihan untuk jurulatih serta menguruskan penempatan mereka di kem-kem latihan; dan
- (v) Mengkaji dan menilai keberkesanan pelaksanaan PLKN dan menggunakan maklumbalas untuk penambahbaikan.

## **7. KURIKULUM PROGRAM LATIHAN KHIDMAT NEGARA (PLKN)**

7.1 Kurikulum PLKN telah digubal oleh sebuah Jawatankuasa Kecil Kurikulum hasil *pilot project* yang diadakan ke atas 150 pelatih sukarela pada 1-28 September 2003. Sebanyak empat (4) modul teras telah dibentuk yang mempunyai kaitan rapat antara satu sama lain yang merupakan tunggak utama untuk mencapai objektif PLKN.

## Modul Fizikal

7.2 Objektif-objektif Modul Fizikal adalah untuk membina disiplin dalaman melalui unsur regimentasi ala tentera untuk membangun karakter unggul; meningkat motivasi diri untuk menambah keyakinan dan kepercayaan terhadap diri sendiri; memupuk semangat kerjasama dan kekitaan di kalangan peserta berbilang bangsa, budaya dan agama sebagai langkah ke arah integrasi nasional; dan meningkatkan kefahaman dari segi peranan mereka dalam konteks keselamatan dan pembangunan negara.

7.3 Aktiviti – aktiviti yang dijalankan di bawah modul ini termasuklah **kawad-** untuk meningkatkan disiplin diri, bekerja dalam satu pasukan dan menguji ketahanan mental, emosi dan fizikal; **aktiviti litar tali tinggi dan rendah** untuk membentuk disiplin diri, meningkatkan keyakinan dan kepercayaan diri serta motivasi diri, kerja berpasukan dan lain-lain; **sukan Kreativiti** untuk teknik-teknik penyelesaian masalah, kerja berpasukan, pembelajaran melalui kaedah penyelesaian masalah (*problem-based learning*); **kraf hutan** untuk teknik ikhtiar hidup, menganalisis sesuatu perkara, kerja berpasukan, membuat perancangan, melaksana dan memantau; **tempur tanpa senjata** untuk mempertahankan diri, membentuk disiplin diri dan ketahanan diri; **latihan pertolongan cemas** untuk mempelajari ilmu dan kemahiran merawat; **aktiviti air** untuk membentuk disiplin diri, membina keyakinan diri, kerja berpasukan dan juga memecah fobia pada air (bagi sesetengah pelatih); dan **kembara halangan** untuk menguji ketahanan mental dan fizikal, kerja berpasukan, menyusun strategi, membina disiplin dan keyakinan diri.

## Modul Kenegaraan

7.4 Objektif-objektif Modul Kenegaraan adalah untuk memahami tentang konsep **Negara** dan **kenegaraan** (nation-building), untuk meningkatkan

semangat patriotisme di kalangan generasi muda (konsep negara termasuklah Tanah Air, Rakyat, Kerajaan dan Kedaulatan); dan memahami cabaran-cabaran dari dalam dan luar negara Malaysia.

7.5 Aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan adalah Latihan Dalam Kumpulan (LDK) seperti perbincangan dalam kumpulan, lawatan, simulasi, lakonan, dinamik kumpulan, menonton gambar, melukis, berdebat, mentafsir peristiwa dan lain-lain. LDK digunakan untuk memahami konsep NEGARA dan cabaran-cabaran dalam dan luar negara seperti berikut;

- i. **Konsep Negara - Tanah Air** adalah untuk menimbulkan perasaan bangga dan sayang kepada tanah air hingga sanggup mempertahankannya.
- ii. **Konsep Negara - Rakyat** adalah untuk mencapai perpaduan, membina perasaan kasih dan sayang sesama etnik dan antara etnik, menganalisis fakta tentang etnik, membincangkan perbezaan dan persamaan, mengkaji cara-cara untuk mengharmonikan keadaan, ciri-ciri rakyat yang berkesan, cara rakyat menyumbang kepada negara, perubahan dunia dan kesan kepada rakyat
- iii. **Konsep Negara - Kerajaan** adalah untuk memahami bagaimana kerajaan terpilih, prosesnya, jenteranya, bagaimana kerajaan mentadbir negara (tanah air, rakyat, kedaulatan) ini, sistem pentadbiran, undang-undang, perlembagaan dan lain-lain.
- iv. **Konsep Negara - Kedaulatan** adalah untuk memahami maksud kedaulatan, kepentingan Malaysia sebagai negara bebas untuk menentukan arahnya sendiri dan bukannya dijajah negara lain.
- v. Membincangkan cara-cara menangani cabaran, mengubah ancaman kepada peluang

## **Modul Pembinaan Karakter**

7.6 Objektif-objektif Modul Pembinaan Karakter adalah untuk membentuk perwatakan positif menerusi nilai-nilai murni. Terdapat dua sub-komponen iaitu:

- (i) Sub-komponen pertama ialah pembinaan diri di mana pelatih melalui proses penerokaan diri sendiri, menyedari dan mengenal pasti ciri-ciri diri (seperti aspek kepimpinan), meneguhkan kekuatan dan memulihkan kelemahan diri; dan
- (ii) Sub-komponen kedua ialah kemahiran pelatih dengan orang lain dalam kehidupan mereka; mengetahui cara berkesan untuk bekerja sebagai ahli pasukan, cara bertindak sebagai pemimpin dan mengatasi masalah di dalam kumpulan.

7.7 Aktiviti-aktiviti yang dijalankan termasuklah permainan, latihan, simulasi, perbincangan dan lain-lain.

## **Modul Khidmat Komuniti**

7.8 Objektif-objektif Modul Khidmat Komuniti adalah untuk menyemarakkan semangat kesukarelaan. Di bawah modul ini, pelatih diberi peluang untuk menjalankan kerja sukarela di kawasan **kejiranan**, dalam **kerja perkhidmatan sosial, alam sekitar, kemudahan awam** dan **penempatan di agensi kerajaan**. Walau bagaimanapun, ini bergantung kepada lokasi-lokasi kerja kesukarelaan yang berhampiran dengan kem latihan.

7.9 Aktiviti sukarela yang dijalankan termasuklah mengkaji keadaan di lokasi-lokasi tersebut, mengenalpasti masalah yang ada, memberi cadangan, membuat

kerja pembaikan, pembersihan, keceriaan, pengindahan dan lain-lain. Pelatih dijangka dapat mengaplikasikan ilmu, kemahiran yang diperolehi semasa PLKN di dalam aktiviti khidmat komuniti.

7.10 Bagi tema **kejiranan**, pelatih memberikan perkhidmatan sukarela untuk keluarga atau penduduk di kawasan perumahan, kampung, kampung baru, ladang, rumah panjang, rumah pangsa, kampung Orang Asli, FELDA dan lain-lain.

7.11 Untuk tema **perkhidmatan sosial** pula, pelatih memberikan khidmat sukarela pada organisasi, institusi, pertubuhan kerajaan ataupun badan bukan kerajaan dari segi kesihatan, pendidikan, kebajikan, perumahan dan lain-lain

7.12 Bagi **alam sekitar** khidmat sukarela meliputi kerja membantu memelihara alam sekitar, hutan, pantai, sungai, kawasan perindustrian, pertanian, penternakan, dan sebagainya.

7.13 Bagi **kemudahan awam** pula, pelatih memberikan khidmat sukarela di taman permainan, taman rekreasi, dewan orang ramai, perpustakaan, pasar, stesen pengangkutan awam (bas, keretapi), lif, tandas awam, pondok telefon, dan lain-lain.

7.14 Semasa **Penempatan di agensi kerajaan** pelatih memberikan khidmat sukarela untuk Polis, Bomba, Penjara, Angkatan Tentera Malaysia selain daripada mendapat pendedahan tentang peranan agensi dalam pembangunan dan pertahanan negara.

7.15 Di samping modul-modul teras, komponen-komponen baru juga dimasukkan bagi menyokong keberkesanan modul-modul teras. Antaranya ialah:

## **Komponen Kerohanian**

7.16 Komponen kerohanian adalah bertujuan untuk membantu pelatih supaya memahami prinsip pertama Rukun Negara iaitu Kepercayaan Kepada Tuhan; memahami perkaitan agama dengan objektif PLKN; mempelajari fitrah kejadian manusia dalam aqidah dan tauhid bagi pelatih yang beragama islam. Manakala pelatih bukan Islam mempelajari tentang agama masing-masing; memahami dan mengaplikasi akhlak Islamiah (termasuklah cara beradab, melaksanakan fardhu kifayah, mengaplikasikan kecintaan kepada harta benda awam dan negara) bagi pelatih islam; dan mempelajari cara mengaplikasikan pengetahuan agama dalam kehidupan harian bagi pelatih bukan islam.

## **Komponen Kebudayaan**

7.17 Komponen kebudayaan ini bertujuan untuk pelatih menyampaikan mesej kecintaan dan memanifestasikan perasaan terhadap pemimpin, bangsa dan tanah air; mengaplikasikan nilai-nilai murni semasa bekerja sebagai satu pasukan; menghasilkan kerja yang kreatif dan berfikiran kritis; dan memahami kepentingan pemikiran kritis dan daya kreativiti untuk menempuhi cabaran dalam kehidupan.

## **Program Integrasi**

7.18 Objektif program ini adalah untuk membolehkan pelatih memahami pelbagai budaya kaum-kaum seperti Melayu Cina, Baba dan Nyonya, India, Portugis, Kadazan, Iban; memahami pelbagai agama seperti agama Islam, Kristian, Buddha, Hindu dan Sikh; dan memahami peranan, persamaan dan perbezaan antara kaum lelaki dan perempuan.

## **Program Sistem Nilai**

7.19 Objektif program ini adalah untuk membolehkan pelatih memahami konsep nilai, sistem nilai, kegunaan dan kelebihannya; mengenali nilai diri, membentuk nilai dan maruah diri serta menghormati nilai orang lain; melihat nilai dalam perlakuan harian mereka; membentuk nilai pasukan, nilai bersama (*shared values*); menghargai nilai; dan mengaplikasikan nilai berkesan / positif.

## **Program Titian Integrasi**

7.20 Objektif program adalah untuk pelatih dari semenanjung yang ditempatkan di kem-kem di Sabah dan Sarawak dan sebaliknya akan disediakan keluarga angkat bagi mengurangkan perasaan rindu (home-sick), kebosanan dan tekanan sepanjang pelaksanaan PLKN. Program ini dilaksanakan dengan kerjasama Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional (JPNIN) di mana keluarga angkat diperolehi dari kawasan Rukun Tetangga yang tinggal berdekatan dengan kem-kem untuk melawat pelatih yang menjadi 'anak angkat' pada hari-hari melawat yang dibenarkan, iaitu dua kali setiap bulan. Keluarga Angkat tidak dibenarkan membawa pelatih balik ke rumah.

## **Latihan Pendedahan Pengendalian Senjata Colt M 16**

7.21 Latihan ini adalah bertujuan untuk pelatih mendapat pengalaman menggunakan senjata bagi memantapkan lagi semangat patriotisme; memantapkan / meningkatkan disiplin / keyakinan diri; melatih menguruskan diri secara sistematik dan teratur; dan melatih bekerja sebagai satu pasukan.

7.22 Berdasarkan kejayaan satu Projek Perintis Program Pengenalan Pengendalian Senjata yang telah dilaksanakan di enam buah kem yang terpilih seluruh negara pada Ogos 2005 hingga 14 September 2005 yang lalu, mulai

Kumpulan 3 Siri 3/2006, semua pelatih di kesemua kem seluruh negara akan mengambil bahagian di dalam **Latihan Pendedahan Pengendalian Senjata Colt M 16**.

7.23 Memandangkan latihan ini adalah berisiko tinggi, aspek keselamatan sentiasa diutamakan. Di bawah program latihan ini, pelatih diajar diberikan pengajaran secara teori tentang rupa bentuk dan kelakuan senjata serta langkah-langkah keselamatan semasa di kem; pelatih juga diberikan latihan amali yang meliputi tatacara memegang senjata dengan teknik yang betul, mengisi dan mengeluarkan peluru, posisi semasa menembak, menenang (focusing) sasaran, memahami arahan bersedia untuk menembak dan menentukan kunci keselamatan; setiap pelatih akan dibenarkan menembak dengan menggunakan peluru kosong (blank); mengamalkan teknik untuk tindakan serta-merta apabila menembak dan prosedur keselamatan selepas menembak.

7.24 Pelatih dibenarkan untuk menembak di lapangasar hanya selepas mendapat pengajaran dari segi teori, latihan amali dan latihan ulangkaji. Ini adalah untuk memastikan pelatih benar-benar faham dan juga untuk membolehkan jurulatih mengenal-pasti pelatih yang memerlukan prosedur khas seperti mereka yang kidal, yang rabun, terlalu gementar dan lain-lain.

## **8. JURULATIH PLKN**

8.1 Jurulatih-jurulatih yang dilantik untuk mengendalikan modul-modul latihan adalah terdiri daripada mereka yang berpengalaman. Mereka yang merupakan tenaga penggerak utama PLKN terdiri daripada pesara tentera, graduan universiti, pegawai sektor awam dan lain-lain. Semua jurulatih adalah diwajibkan lulus di dalam kursus *Training of Trainers* (TOT) mengikut modul-modul yang telah ditetapkan.

8.2 Bagi meningkatkan kualiti jurulatih, selain daripada kursus-kursus TOT, kursus kepakaran, *refresher course* telah dilaksanakan dari masa ke semasa. Usaha juga dijalankan untuk melantik jurulatih sepenuh masa secara kontrak bagi memastikan semua jurulatih yang dilantik dapat membrkan komitmen sepenuhnya kepada PLKN. Di samping itu, setiap jurulatih digalakkan supaya mengikuti latihan dalam pelbagai modul untuk menjadi lebih kompeten.

## 9. SISTEM PEMILIHAN PESERTA PLKN

9.1 Pemilihan pelatih - pelatih untuk mengikuti PLKN adalah dibuat secara rawak melalui komputer. Proses pemilihan dibuat dengan menggunakan kaedah Selective Technique Withiout Replacement (STWR). Kaedah ini bermaksud, apabila nama seseorang calon pelatih terpilih, nama beliau akan terus dimasukkan k edalam kumpulan tertentu mengikut kriteria yang ditetapkan dan tidak akan diganti dengan nama calon pelatih lain.

9.2 Bilangan pelatih yang dipilih secara rawak mengikut kumpulan sejak tahun 2004 sehingga 2006 adalah seperti berikut:

- (i) Pada tahun 2004, terdapat 490,000 orang belia yang layak kerana dilahirkan pada tahun 1986, tetapi hanya **85,000** orang sahaja yang terpilih untuk PLKN Siri 1/2004.
- (ii) Bagi PLKN Siri 2/2005 pula, hampir 500,000 orang yang layak, iaitu mereka yang dilahirkan pada tahun 1987 tetapi hanya **85,000** sahaja yang terpilih.
- (iii) Peserta PLKN bagi Siri 3/2006 telah bertambah kepada **95,000** orang Seramai **100,000** orang yang dilahirkan pada tahun 1989 telah terpilih untuk mengikuti PLKN Siri 4/2007.

9.3 Sejak program ini dilaksanakan sehingga tahun 2006 **sejumlah 194,725** pelatih telah berjaya menamatkan latihan masing-masing. Bekas-bekas pelatih kebanyakannya meneruskan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi termasuklah memasuki Institusi Pengajian Tinggi Awam atau swasta.

## **10. PENILAIAN OBJEKTIF PLKN**

10.1 Berasaskan kajian penilaian ke atas pelatih-pelatih yang dijalankan bagi setiap kumpulan mendapati purata skor adalah melebihi **85 peratus** bersetuju bahawa PLKN telah berjaya mencapai objektif yang telah ditetapkan.

10.2 Selain daripada itu, mengikut maklumbalas daripada bekas-bekas pelatih yang telah diterima oleh Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen Mengenai Perpaduan Dan Khidmat Negara jelas menunjukkan bahawa PLKN telah memberikan impak yang positif kepada mereka. Malah kesan positif PLKN terhadap pelatih juga dinyatakan oleh ibu-bapa pelatih sendiri, pertubuhan / badan bukan Kerajaan dan orang awam. Maklumbalas atau impak positif PLKN yang dimaksudkan, antara lainnyanya adalah seperti berikut:

- i. Mengelakkan remaja daripada terlibat dengan gejala-gejala sosial yang tidak sepatutnya;
- ii. Memberikan banyak pengalaman, memupuk sifat bertanggungjawab dan mematangkan pelatih;
- iii. Memupuk dan menyemaikan semangat cintakan negara dan menanam semangat kenegaraan berteraskan Rukun Negara;
- iv. Membina keyakinan diri untuk menjadikan pelatih lebih berdikari; dan
- v. Menanam semangat perpaduan di kalangan pelbagai kaum.

## **11. PENUTUP**

11.1 Semangat patriotisme, perwatakan positif dan integrasi nasional di kalangan generasi muda Malaysia adalah elemen penting dan utama pelaksanaan Program Latihan Khidmat Negara. Melalui program yang unik 'ala Malaysia' diharapkan dapat / mampu melahirkan tamadun bangsa Malaysia yang berwawasan dan bertanggungjawab dengan semangat patriotisme yang tinggi.

11.2 Usaha ini amat bertepatan dengan aspirasi negara untuk mengimbangkan kemajuan negara dengan cara kehidupan dan perpaduan masyarakat berbilang kaum di samping memupuk semangat berkorban demi membangunkan negara serta melahirkan bangsa yang bermaruah.

11.3 PLKN diharapkan dapat membantu membentuk anak bangsa Malaysia yang mempunyai wawasan yang dapat mendukung dan menyokong usaha-usaha Kerajaan merealisasikan matlamat Wawasan 2020 untuk menjadi sebuah negara maju, makmur dan dinikmati bersama oleh rakyat pelbagai kaum di Malaysia secara harmonis, aman dan damai.

## **SINOPSIS**

### **PEMBENTUKAN GENERASI BARU MENERUSI PROGRAM LATIHAN KHIDMAT NEGARA**

Malaysia merupakan sebuah negara majmuk yang aman dan makmur. Keamanan yang dinikmati dan keharmonian hidup pelbagai kaum telah menjadikan Malaysia sebuah negara yang dihormati oleh pelbagai pihak dan negara. Namun begitu, kesan gelombang globalisasi telah mencabar keamanan dan keharmonian negara dalam pelbagai bentuk yang sukar diramalkan. Nilai individualistik, materialistik dan pelbagai nilai yang baik di kalangan masyarakat khususnya remaja telah sedikit sebanyak mulai terhakis atau dilupai. Semangat patriotisme dan nilai kesukarelaan sudah mulai terjejas menggantikan gejala sosial yang negatif yang merosakkan individu dan masyarakat. Keadaan ini memerlukan langkah dan strategi mantap bagi melindungi generasi remaja yang bakal memimpin dan membawa negara ke arah Wawasan 2020. Dan sebagai salah satu strategi Kerajaan untuk membentuk dan melahirkan generasi baru, generasi yang berwasasan, berdisiplin, berkeyakinan terhadap diri, generasi berilmu, maka Program Latihan Khidmat Negara telah diperkenalkan pada tahun 2004. Berteraskan semangat Rukun Negara, PLKN diyakini akan dapat membantu memupuk dan meningkatkan lagi semangat patriotisme, integrasi nasional demi untuk kestabilan dan kesejahteraan rakyat yang berterusan dan sekaligus bersedia menghadapi sebarang cabaran yang mendatang.